



Ikon Tani -Jutawan kongsi rahsia di #MAHA2016

#MAHA2016
#OurFoodOurFuture
#FindIt@MAHA
#EmpayarMakanan

18 HARI LAGI

SEKTOR ekonomi desa yang kebanyakannya merangkumi industri berasaskan pertanian kini dapat memberikan pulangan yang lebih tinggi kepada para petani, lebih-lebih lagi jika para petani berupaya menghadapi segala cabaran transformasi ke arah pertanian komersial dan segala dugaan yang meniadakan dan tidak mudah rebah di pertengahan jalan. Ramai di antara petani ini sebenarnya telah menikmati kehidupan yang lebih baik dengan pendapatan yang lebih tinggi selepas mengikuti beberapa program yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA), serta agensi-agensinya di bawah MoA dan yang paling hampir dengan golongan ini adalah Lembaga Perubahan Peladang (LPP), yang menggalakkan para petani ini mengamalkan pertanian sebagai satu perniagaan. Walau bagaimanapun, masih ada ramai di luar sana, terutamanya golongan belia, yang masih belum sedar atau mungkin masih lagi tidak mempercayai akan hasil lumayan yang boleh didapati setelah memerah keringat di bawah terik matahari dan juga cuaca yang tidak menentu. Menyedari akan hakikat ini, MoA melalui LPP telah memperkenalkan pelbagai pertandingan

bagi mengiktiraf para pengiat tani yang telah berjaya, menggalakkan mereka bersaing agar mencapai kejayaan yang lebih tinggi serta untuk dijadikan case study agar mereka yang tidak berminat mencubir bidang pertanian ini secara tidak langsung akan tertarik dengan pendapatan lumayan yang diperolehi serta dapat 'dipujuk' untuk menukar selera menyertai kegiatan pertanian. Para pemenang #MAHA2016 daripada 1hb. - 11hb. Disember ini akan dapat menemui ikon-ikon jutawan ini dan bertanya sendiri mengenai segala suah payah serta perit jerih yang dilalui oleh ikon-ikon ini sebelum mereka mencapai kejayaan. Di antara para jutawan ataupun ikon tani tersebut termasuklah para pemenang Anugerah Peladang Jaya, Pertubuhan Peladang Jaya serta Unit Peladang Jaya yang telah bekerja sama menyajikan agenda pertanian serta industri asas tani negara.

daripada pendapatan yang diperolehi dimanfaatkan sepenuhnya dengan membeli seekor lembu di awal umur remaja dan dalam masa singkat belia telahpun memiliki dalam 4 - 5 ekor lembu. Seterusnya belia mengambil keputusan untuk menternak lembu sepenuh masa dan keputusan ini ternyata berbaloi kerana belia semakin komited terhadap perniagaannya dan lembu-lembu ternakannya berkembang kepada 300 ekor ketika belia baharu berusia 19 tahun. Belia juga menggaji para belia di kampungnya, terutamanya yang tidak mempunyai apa-apa pekerjaan, untuk membantu mengendalikan perniagaan serta ternakannya yang kini turut merangkumi penternakan kambing biri-biri, kambing kampung, rusa dan juga kerbau. Untuk menambahkan pendapatan, Saipol Azmir turut mengusahakan penanaman pisang tanduk, ubi kayu dan juga kunyit serta daun kunyit dan turut mengambil upah membina kandang-kandang kambing, menambak tanah dan memperbaiki atau membuat sistem perpartan. Secara kasarnya, kegiatan penternakan haiwannya mendatangkan hasil lebih RM200 ribu setahun pada tahun 2015, dengan keuntungan bersih sebanyak hampir RM600 ribu. Kegiatan pertaniannya pula memberikan hasil sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2015, dengan keuntungan hampir RM300 ribu. Belia turut aktif dalam aktiviti-aktiviti pertanian di Kuala Langat dengan menjadi Pengerusi Kortani di Pertubuhan Peladang kawasan Kuala Langat dan juga pertubuhan-pertubuhan NGO seperti menjadi AJK JKPP dan Persatuan Belia Kuala Langat. Belia amat berbangga dengan pencapaiannya setakat ini dan menyeru agar lebih ramai golongan belia menyertai sektor pertanian kerana ia mendatangkan hasil yang lumayan.

suaminya telah merancang untuk menyerahkan segala urusan kebun sayurannya kepada Tengku Faridah sebagai belia tamat pengajian, dan dari situ bermulalah kerjaya belia sebagai seorang petani berjajaz. Perkara pertama yang dilakukannya sebaik saja mengambil alih kebun tersebut adalah 'memodenkan' pengendalian kebun tersebut, terutamanya dari segi pengaliran dan rumah plastik agar sayur-sayuran menerima air serta pendedahan cahaya matahari yang mencukupi sepanjang masa. Dengan bekalan yang ada hasil daripada kebun dan juga kerja-kerja kontraktor, Tengku Faridah mencubir pula ladang strawberi dan turut menghasilkan jem, kordial dan aiskrim strawberi. Kini, ladang dan kafe strawberinya di Cameron Highlands, Royal Ber, adalah merupakan antara persembahan yang terkenal di kalangan para pelancong ke pusat peranginan tanah tinggi ini. Pendapatan dari kebun sayurannya sahaja telah memberikan hasil bernilai lebih RM1 juta pada tahun 2014, iaitu RM800 ribu dari kebun sayurannya dan RM300 ribu dari ladang serta hasil pemprosesan strawberi. Kafe Royal Berinya sahaja memperoleh pendapatan RM200 ribu pada tahun tersebut. Suami, keluarga dan rakan-rakan serta agensi-agensi MoA seperti LPP adalah 'penyokong' kuatnya dan sering tampil memberikan sokongan, nasihat serta tunjuk ajar. Belia turut berkongsi kejayaannya dengan menyertai serta mengetahui aktiviti yang dilakukan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan Cameron Highlands dalam membantu melahirkan usahawan berjaya. Pada belia, berbedi pada tanah memang tinggi pulangnya.



Saipol Azmir Bin Zainudin - Pemenang Anugerah Peladang Jaya Lelaki 2015.

Saipol Azmir Bin Zainudin - Pemenang Anugerah Peladang Jaya Lelaki 2015
Berumur 32 tahun, Saipol Azmir yang kisahnya baru-baru ini telah viral di media sosial telah mendapat komen yang positif daripada Netizen terhadap kisah hidupnya telah mengusahakan kegiatan perternakan haiwan (terutamanya lembu) dan juga industri yang berkaitan dengannya di Kuala Langat, Selangor. Belia yang kini telah berkeluarga dengan lima orang anak yang masih kecil, mula bekerja sebagai seorang buruh kasar pada usia awal belasan tahun lagi kerana tidak berminat untuk meneruskan pelajaran, maka telah menjadikan bidang penternakan sebagai halatujah kehidupan belia dan telah memilih PPK Kuala Langat sebagai 'sahabat' dalam membentuk kejayaan belia pada hari ini. Kisah kejayaan hari ini di perolehi

lambu sepenuh masa dan keputusan ini ternyata berbaloi kerana belia semakin komited terhadap perniagaannya dan lembu-lembu ternakannya berkembang kepada 300 ekor ketika belia baharu berusia 19 tahun. Belia juga menggaji para belia di kampungnya, terutamanya yang tidak mempunyai apa-apa pekerjaan, untuk membantu mengendalikan perniagaan serta ternakannya yang kini turut merangkumi penternakan kambing biri-biri, kambing kampung, rusa dan juga kerbau. Untuk menambahkan pendapatan, Saipol Azmir turut mengusahakan penanaman pisang tanduk, ubi kayu dan juga kunyit serta daun kunyit dan turut mengambil upah membina kandang-kandang kambing, menambak tanah dan memperbaiki atau membuat sistem perpartan. Secara kasarnya, kegiatan penternakan haiwannya mendatangkan hasil lebih RM200 ribu setahun pada tahun 2015, dengan keuntungan bersih sebanyak hampir RM600 ribu. Kegiatan pertaniannya pula memberikan hasil sebanyak RM1.5 juta pada tahun 2015, dengan keuntungan hampir RM300 ribu. Belia turut aktif dalam aktiviti-aktiviti pertanian di Kuala Langat dengan menjadi Pengerusi Kortani di Pertubuhan Peladang kawasan Kuala Langat dan juga pertubuhan-pertubuhan NGO seperti menjadi AJK JKPP dan Persatuan Belia Kuala Langat. Belia amat berbangga dengan pencapaiannya setakat ini dan menyeru agar lebih ramai golongan belia menyertai sektor pertanian kerana ia mendatangkan hasil yang lumayan.

Temui Irfan Khairi (Pemasaran Internet) di Seminar Transformasi Pemasaran MAHA 2016 yang akan di adakan dari 5hb. - 10hb. Disember, 2016 di Dewan D, MAEPS, Serdang.



Tengku Faridah Bte Tengku Hussin - Pemenang Anugerah Peladang Jaya Wanita 2015
Dengan lulusan segulung ijazah daripada Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, Tengku Faridah Bte Tengku Hussin bercita-cita untuk menggunakan pengetahuan yang ditimbanya bagi membantu suaminya yang sedang mengusahakan kegiatan penanaman sayuran di Cameron Highlands, Pahang. Walau bagaimanapun,

SEMINAR TRANSFORMASI PEMASARAN MAHA 2016
Selain daripada ikon-ikon tani ini, para pelawat akan turut dapat membawa ilmu pengetahuan daripada beberapa penceramah berkualiti serta terkenal yang akan menyertai Seminar Transformasi Pemasaran MAHA 2016 yang akan diadakan dari 5hb. sehingga 10hb. Disember, di Dewan D, MAEPS. Di antara mereka ialah Irfan Khairi, seorang penceramah profesional, penulis buku serta pelatih peringkat antarabangsa dalam bidang e-niaga. Beliau akan menyampaikan pembentangan bertajuk 'Menjadi Agropreneur Berjaya Melalui Pemasaran Internet' pada jam 9.00 pagi - 5.00 petang pada 5hb.

JADUAL ROADSHOW MAHA 2016

(A) MALL ACTIVATION
Lokasi : Berjaya Times Square
Tarikh : 12 November 2016 (Sabtu)
Masa : 10.00 Pagi - 10.00 Malam

Lokasi : IOI City Mall Putrajaya
Tarikh : 19 November 2016 (Sabtu)
Masa : 10.00 Pagi - 10.00 Malam

Lokasi : PWTC (PAU 2016)
Tarikh : 29 Nov 2016 - 3 Dis. 2016
Masa : 10.00 Pagi - 10.00 Malam

(B) STREET ATTACK
Tarikh : 13 November 2016 (Ahad)
Lokasi : Taman Tasik Tiwangsa (9.00 Pagi) KLCC (10.30 Pagi) Pavillion (2.30 Petang) Sogo (4.00 Petang)

Tarikh : 20 November 2016 (Ahad)
Lokasi : Jakes Mall (10.30 Pagi) Central Market (1.30 Petang) Nu Sentral (3.00 Petang) AEON Shah Alam (5.00 Petang)



Tengku Faridah Bte Tengku Hussin - Pemenang Anugerah Peladang Jaya Wanita 2015.

Tengku Faridah akan memastikan setiap keluaran produksinya bermutu tinggi.

Tengku Faridah menggunakan teknik tanam telgasi dalam penanaman buah strawberi.



MAHA 2016
Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show
1 - 11 Disember 2016, MAEPS Serdang

NIKMATI MAKANAN DAN HASIL PERTANIAN TERBAIK MALAYSIA

